



**PEPERIKSAAN AKHIR / FINAL EXAMINATION
SEMESTER II – SESI 2020/2021**

KOD KURSUS : MPU2212
COURSE CODE

NAMA KURSUS : BAHASA KEBANGSAAN A
COURSE NAME

TAHUN/PROGRAM : 1 / DIPLOMA KTD
YEAR/PROGRAMME

TEMPOH : 2 JAM
DURATION : 2 HOURS

TARIKH : APRIL 2021
DATE

**ARAHAN
INSTRUCTION**

1. JAWAB SEMUA SOALAN DALAM BAHAGIAN A, BAHAGIAN B DAN BAHAGIAN C.
ANSWER ALL QUESTIONS IN PART A, PART B AND PART C.
2. CALON DIKEHENDAKI MEMATUHI SEMUA ARAHAN PEPERIKSAAN.
CANDIDATES ARE REQUIRED TO FOLLOW ALL EXAMINATION INSTRUCTIONS.

NO. K/P <i>I/C NO.</i>	
TAHUN/PROGRAM <i>YEAR/PROGRAMME</i>	
NAMA PENSYARAH <i>LECTURER'S NAME</i>	

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI 11 MUKA SURAT BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN
THIS EXAMINATION PAPER CONSISTS OF 11 PAGES INCLUDING THE FRONT PAGE

(BAHAGIAN A 20 Markah
[PART A 20 Marks]

Jawab **semua** soalan.

[Answer all question]

1. Manakah pernyataan yang **benar** tentang perkembangan aksara Jawi?
- A Ada pengaruh bahasa Arab dan bahasa Sanskrit.
 - B Tanda baris tulisan Jawi digugurkan pada perkembangan tahap kedua.
 - C Ada penggunaan tanda baris atau diakritik pada tahap pertama perkembangan aksara Jawi.
 - D Perkataan Jawi dikaitkan dengan tulisan yang digunakan oleh orang Sumatera yang beragama Islam dan menggunakan bahasa Melayu.

Soalan 2 berdasarkan rajah di bawah

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Terdapat pengaruh bahasa Arab.• Mengandungi satu puisi sufi Arab.• Mengandungi prosa bersajak dalam bahasa Arab |
|---|

2. Padanan yang manakah **betul** tentang batu bersurat yang dinyatakan di atas?
- A Batu Bersurat di Pagar Ruyung
 - B Batu Bersurat di Minye Tujuh
 - C Batu Bersurat di Terengganu
 - D Batu Nisan Malik al-salleh

3. Pernyataan yang manakah **tidak benar** tentang sistem ejaan dalam Bahasa Melayu Kuno?
- A Vokal e pepet dalam bahasa Melayu kuno digantikan dengan vokal a dalam Bahasa Melayu Moden
 - B Konsonan h dalam bahasa Melayu Kuno dihilangkan dalam Bahasa Melayu Moden
 - C Konsonan w dalam bahasa Melayu Kuno menjadi konsonan /b/ Dalam Bahasa Melayu Moden.
 - D Konsonan ny dalam bahasa Melayu kuno menjadi konsonan /n/ dalam Bahasa Melayu Moden.
4. Fungsi bahasa baku adalah sebagai lambang
- I Penyatuan penduduk dalam sesebuah negara
 - II Identiti sesebuah negara yang penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum
 - III Pemisah antara penutur bahasa yang asalnya sama tetapi terkelompok di dalam negara yang berbeza
 - IV Keupayaan penutur sesuatu bahasa itu mengungkapkan sesuatu yang bersifat konseptual dan intelektual.
- | | | | |
|---|-----------|---|------------|
| A | I dan II | C | II dan IV |
| B | I dan III | D | III dan IV |

Soalan 5 berdasarkan rajah di bawah

5.

	Akta		Perkaitan dengan Bahasa Melayu
I	Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan	P	Bahasa kebangsaan hendaklah digunakan dalam semua urusan rasmi kerajaan, sama ada urusan secara rasmi kerajaan, sama ada urusan secara lisan atau tulisan.
II	Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67	Q	Bahasa kebangsaan diperkaya dengan pelaksanaan program pembinaan bahasa untuk penyelidikan bahasa, perkamusan dan peristilahan.
III	Akta Pendidikan 1996	R	Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh Parlimen
IV	Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 (Pindaan 1995)	S	Bahasa kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan yang dikecualikan.

Padanan yang manakah **betul** antara akta dengan perkaitannya tentang perkembangan bahasa Melayu di negara ini

	I	II	III	IV
A	Q	R	S	P
B	R	S	P	Q
C	R	P	S	Q
D	Q	P	R	S

6. Yang manakah bunyi konsonan yang dihasilkan tanpa menggetarkan pita suara?

I [x]

II [m]

III [k]

IV [l]

A I dan II

C II dan IV

B I dan III

D III dan IV

7. Manakah ayat yang menggunakan tanda baca dengan **betul**?

A Awak belum bersuami lagi, bukan?

B Dengan ibunya dia pergi ke bilik pasar tani.

C Berilah nasihat kepada adikmu, itu Zaiton

D Mereka mengikuti kursus pengajaran Sains, Fizik dan Matematik.

Soalan 8 berdasarkan rajah di bawah

8. Padanan yang manakah **betul** antara nama konsonan dengan contoh perkataan yang mengandungi konsonan tersebut?

Jenis vokal		Perkataan	
I	Vokal tengah	P	Minta, panggil
II	Vokal depan luas	Q	Orang, lakon
III	Vokal depan separuh sempit	R	Kembar, telus
IV	Vokal belakang separuh sempit	S	Tauge, conteng

	I	II	III	IV
A	R	P	S	Q
B	S	Q	R	P
C	Q	P	S	R
D	R	Q	P	S

9. Apakah jenis penggadaan yang bergaris Dolak-dalik kontang kanting
- A Penggadaan separa
 - B Penggadaan berentak bebas
 - C Penggadaan berentak pengulangan vokal
 - D Penggadaan berentak pengulangan konsonan
10. Manakah ayat yang mengandungi frasa keterangan?
- A Bapa Mak Limah berketurunan Arab
 - B Kita digalakkan bersenam supaya sihat.
 - C Ibu saya suka tidur mengiring ke kanan.
 - D Rebut taufan meranapkan kawasan kediaman.
11. Semua ayat yang berikut mengandungi kata kerja tak transitif berpelengkap dan pelengkapanya terdiri daripada frasa adjektif, **kecuali**
- A Sejak berkahwin, huzaina kelihatan bertambah ceria.
 - B Pihak berkuasa hendaklah bersikap adil terhadap pesalah.
 - C Hasni berubah sikap sejak kembali daripada percutian.
 - D Sebagai manusia, kita perlu berbuat baik antara satu sama lain.
12. Manakah ayat yang kesemua perkataan dieja dengan betul?
- I Suruhan jaya bebas akan dibentuk.
 - II Penguatkuasa itu bertindak pantas.
 - III Penyakit orang tua itu akan kuubati.
 - IV Pihak prokerajaan tidak memantahnya.
- | | | | |
|---|-----------|---|------------|
| A | I dan II | C | II dan IV |
| B | I dan III | D | III dan IV |

13. Berikut merupakan ciri-ciri frasa, **kecuali**

- A Boleh menjadi unit yang lebih besar.
- B Boleh dipisahkan unsurnya daripada satuannya.
- C Boleh menjadi unsur kepada frasa itu sendiri.
- D Boleh terdiri daripada satu patah perkataan.

- Hujung lidah didekatkan pada gusi untuk menyepitkan laluan udara.
- Udara keluar melalui sempitan itu.
- Lelangit lembut dinaikkan
- Pita suara bergetar

14. Manakah perkataan yang mengandungi konsonan yang dihasilkan dengan cara di atas?

- A Berkhidmat
- B Syarahan
- C Mubaligh
- D Membazir

15. Kata majmuk ialah kata yang terhasil daripada proses

- A Menggandingkan imbuhan pada frasa
- B Menggabungkan morfem bebas dan morfem terikat
- C Merangkaikan dua kata dasar atau lebih untuk membentuk makna tertentu
- D Merangkaikan dua kata dasar atau lebih untuk menggabungkan maknanya

16. Manakah ayat yang mempunyai frasa adjektif yang binaannya memperlihatkan keserasian makna?

- A Seorang pelawak daripada kumpulan itu gemuk gedempol.
- B Sifat gagah berani askar itu mendapat pujian pegawai atasannya.
- C Baik buruk pelaksanaan GST memang telah diteliti oleh kerajaan.
- D Penonton kelihatan tertarik oleh tariannya yang lemah gemalai itu.

17. Manakah ayat terbitan?

- I Yang tinggi lampai itu bapa saya.
- II Tunang kakak saya peguam di firma itu.
- III Penceramah yang terkenal itu luar negara.
- IV Raihana pengurus sumber manusia syarikat itu.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

18. Manakah ayat yang terdiri daripada satu klausa?

- A Dia minum sambil menonton televisyen.
- B Adik terkejut lalu terjaga daripada tidurnya.
- C Para remaja itu berbual sehingga tengah malam.
- D Pasangan itu bertengkar hingga mengganggu orang lain.

19. Manakah ayat pasif songsang?

- A Dia baca surat itu.
- B Baju saya belum berbasuh
- C Rumah itu dibaiki oleh Pak Amran
- D Batu besar itu terangkat oleh Badrul

20. Manakah ayat majmuk?


- A Dia kasar lagi bengis sewaktu menguruskan anak-anaknya
- B Beliau dicalonkan sebagai wakil rakyat hingga penggal yang keempat.
- C Penduduk kampung itu lebih bertanggungjawab daripada penduduk kampung saya.
- D Keunikan menara condong di Telok Anson sudah sekian lama menjadi tarikan para pelancong.

BAHAGIAN B 30 Markah
[PART B 30 Marks]

Jawab **semua** soalan.

[Answer all question]

Rajah di bawah menunjukkan penghasilan bunyi vokal dalam Bahasa Melayu



1. Berikan satu contoh kata adjektif berdasarkan jenis kata adjektif di atas:

P :

Q :

R :

(6 M)

2. Nyatakan penghasilan bunyi dalam Bahasa Melayu

i.

ii.

iii.

iv.

3. Bina **satu** ayat yang gramatis berdasarkan konsituen yang dinyatakan

Subjek	Prediket	
	Kata kerja tak transitif	Pelengkap
i.		
ii.		

(6 M)

Jejaka tinggi lampai itu pemain bola sepak bagi pasukan Selangor

4.

i. Apakah fungsi frasa yang bergaris dalam ayat di atas

.....

ii. Berdasarkan ayat di atas, nyatakan :

a) Subjek ayat :

.....

b) Predikit ayat:

.....

(6 M)

5. Bina ayat pasif bagi setiap kategori ayat pasif yang dinyatakan di bawah ini.

Jenis ayat pasif	Ayat
Ayat pasif dengan imbuhan di- bukan kata ganti nama diri orang ketiga	
Ayat pasif dengan imbuhan kata kerja pasif ' ter '	
Ayat pasif dengan perkataan kena yang hadir sebelum kata kerja	

(6 M)

BAHAGIAN C 50 Markah
[*PART C 50 Marks*]

Hasilkan sebuah karangan yang panjangnya antara 250 hingga 300 patah berdasarkan tajuk yang diberikan di bawah.

Modal insan kelas pertama amatlah penting bagi sesebuah negara. Bincangkan kepentingan modal insan kelas pertama dan cadangkan langkah untuk melahirkan modal insan yang dimaksudkan itu.

SOALAN TAMAT
[END OF QUESTION]